



## KENYATAAN TAWARAN REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

### REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) BAGI TUJUAN TAWARAN SEBAGAI PENGURUS / OPERATOR BUKA@MUALLIM, BANDAR TANJONG MALIM)

1. Pelawaan dibuat kepada Warganegara Malaysia yang berminat dan memenuhi syarat kelayakan untuk menjadi Pengurus / Operator di Buka@Muallim.


Tarikh Iklan	Tajuk	Dokumen Maklumat Am dan Arahan RFP	Tarikh Tutup
16 Februari 2024	Request For Proposal (RFP) Bagi Tujuan Tawaran Sebagai Pengurus / Operator Buka@Muallim	Dokumen Permohonan Boleh Di dapati Di Kaunter Jabatan Perancangan Pembangunan MDTM Mulai 16 Februari 2024 Sehingga Tarikh Tutup.	16 Mac 2024 Jam 12.00 Tengahari (Dokumen Yang Lewat Dihantar Tidak Akan Dilayan)

2. Syarikat yang berminat WAJIB membaca dan memahami Dokumen Maklumat Am dan Arahan RFP bagi mengelakkan sebarang kekeliruan. Kerajaan tidak akan bertanggungjawab di atas kerugian akibat kecuaiian syarikat terhadap perkara tersebut.
3. Dokumen permohonan hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:

**JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN  
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM (MDTM)  
PETI SURAT 59  
BLOK B, KOMPLEKS PENTADBIRAN MDTM  
BANDAR BEHRANG 2020  
35900 TANJONG MALIM, PERAK**

**NO. TEL: 05-4563410/20  
EMAIL : jpp@mdtm.gov.my**

4. Majlis Daerah Tanjong Malim tidak terikat untuk menerima mana-mana dokumen permohonan yang dikemukakan oleh pihak syarikat. Majlis Daerah Tanjong Malim berhak untuk menerima, menolak atau membatalkan keseluruhan atau sebahagian daripada dokumen oleh pihak pemohon.

  
( MOHD IKRAM BIN AHMAD, P.P.T )  
Yang DiPertua,  
Majlis Daerah Tanjong Malim  
Perak Darul Ridzuan.



**MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM**

**REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) BAGI TUJUAN  
TAWARAN SEBAGAI PENGURUS / OPERATOR  
BUKA@MUALLIM (YOUTH CITY TANJONG MALIM)**

**DOKUMEN MAKLUMAT AM  
DAN ARAHAN RFP**

**JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN  
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM (MDTM)  
PETI SURAT 59  
BLOK B, KOMPLEKS PENTADBIRAN MDTM  
BANDAR BEHRANG 2020  
35900 TANJONG MALIM, PERAK**

**NO. TEL : 05-4563410/20  
EMAIL : [jpp@mdtm.gov.my](mailto:jpp@mdtm.gov.my)**

## **ISI KANDUNGAN**

**Muka  
Surat**

<b>1. BUKA@Muallim</b>	
<b>1.1 Pengenalan</b>	<b>2</b>
<b>1.2 Konsep BUKA@Muallim</b>	<b>3</b>
<b>1.3 Objektif BUKA@Muallim</b>	<b>3</b>
<b>2. Tanggungjawab Pengurusan BUKA@Muallim</b>	
<b>2.1. Pengurus / Operator</b>	<b>3</b>
<b>2.2. Pelaksanaan Buka@Muallim</b>	<b>4</b>
<b>2.3. Penyelenggaraan</b>	<b>4</b>
<b>3. Syarat - Syarat Dan Keperluan Sebagai Pengurus / Operator BUKA@Muallim</b>	
<b>3.1. Syarat Kelayakkan</b>	<b>5</b>
<b>3.2. Kemahiran / Kebolehan Sebagai Pengurus / Operator</b>	<b>5</b>
<b>4. Syarat-syarat Khusus Kepada Syarikat Yang Menyertai RFP</b>	<b>5</b>
<b>5. Permohonan</b>	<b>7</b>
<b>Lampiran 1</b>	<b>7</b>
<b>Pelan Lantai BUKA@Muallim</b>	<b>7</b>



## **IKLAN TAWARAN SEBAGAI PENGURUS / OPERATOR BUKA@MUALLIM**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk menjadi Pengurus /Operator di BUKA@Muallim. Kelayakan dan syarat permohonan adalah seperti berikut :-

### **1. BUKA@MUALLIM**

#### **1.1. Pengenalan**

- (i) BUKA@Muallim adalah sebuah hub yang menyediakan ekosistem yang menyokong dan merangsang aktiviti-aktiviti keusahawanan di dalam dan di kawasan sekitar Tanjong Malim.
- (ii) BUKA@Muallim ini adalah merupakan satu konsep yang mana memberikan ruang perniagaan kepada warga tempatan menjalankan perniagaan mereka dengan kos sewaan yang rendah serta perlaksanaan di BUKA@Muallim ini menjurus kepada konsep 'Mentor-Mentee';
- (iii) Peserta yang akan berniaga di sini perlu menghasilkan produk tempatan bagi mengetengahkan hasil produk Muallim dan akan dibimbing oleh pengurus / operator yang dilantik bagi tujuan khidmat nasihat;
- (iv) Maklumat asas BUKA@Muallim adalah seperti berikut :-

Bil.	Komponen	Unit
1.	Petak Gerai (10' x 12')	24
2.	Ruang Aktiviti (Stages) (20' x 20') – boleh memuatkan 30-50 orang dalam satu masa	1
3.	Bas (Kedai Buku / Perpustakaan	1
4.	Tandas (Lelaki & Wanita)	1

- (v) Melalui hub ini, Pengurus / Operator perlu memastikan warga tempatan yang memerlukan ruang niaga bagi 'start-up business' menyewa di petak gerai yang disediakan dengan kos yang rendah di samping boleh mendapatkan latihan dan khidmat nasihat berkaitan keusahawanan.

### **1.2. Konsep BUKA@Muallim**

BUKA@Muallim akan di uruskan sepenuhnya oleh pengurus / operator yang mana bagi mereka berminat untuk menyewa di petak gerai disediakan akan berurusan sepenuhnya dengan pengurus / operator. Pengurus / operator akan menjadi mentor kepada penyewa gerai dan pihak pengurus / operator perlu memastikan keuntungan di perolehi berdasarkan kepada pelan pengurusan perniagaan yang digunakan.

### **1.3. Objektif BUKA@Muallim**

- (i) Memberikan ruang niaga bagi warga tempatan menjalankan aktiviti keusahawanan sebagai 'start-up business';
- (ii) Mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan; dan
- (iii) Mewujudkan kawasan separa bandar yang menarik untuk didiami.

## **2. TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN BUKA@MUALLIM**

### **2.1. Pengurus / Operator**

Bagi memastikan BUKA@Muallim ini berfungsi dengan jayanya, pengurus /operator pengendali diperlukan dan akan dipantau sepenuhnya oleh pihak Majlis Daerah Tanjong Malim. Skop tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh pengurus/operator adalah:

- Memastikan petak gerai di isi sepenuhnya dan penglibatan warga tempatan adalah diutamakan;
- Menyelenggara fasiliti dan kemudahan di BUKA@Muallim;
- Memastikan segala bayaran utiliti dan sewaan dijelaskan mengikut tempoh yang telah ditetapkan;
- Menyelaras, membantu dan memantau pelaksanaan program-program yang dijalankan di BUKA@Muallim agar mengikut jadual;
- Menyelaras, membantu dan menggalakkan acara / program / aktiviti komuniti BUKA@Muallim;
- Memastikan pembangunan komuniti usahawan adalah mengikut perancangan;

- (i) Bagi memenuhi keperluan ini, pengurus perlulah:
- Memastikan fasiliti dan kemudahan di BUKA@Muallim dijaga dengan baik;
  - Memastikan keperluan komuniti usahawan di BUKA@Muallim dilayan dengan baik;
  - Melaksanakan aktiviti-aktiviti bersesuaian yang berupaya memeriahkan suasana BUKA@Muallim;
  - Melaksanakan program bagi komuniti BUKA@Muallim untuk membina komuniti *startup*;
  - Memberi maklum balas dengan segera apabila sekiranya ada isu-isu yang memerlukan jawatankuasa membantu.

## 2.2. **Perlaksanaan BUKA@Muallim**

Bagi memastikan kelancaran program, pihak pengurus/operator perlu memastikan perkara berikut di patuhi ;

- (i) Pengurus/operator perlu faham bahawa pihak Majlis Daerah Tanjong Malim tidak akan memberikan sebarang peruntukan atau dana untuk tujuan ini;
- (ii) Pengurus/operator perlu mempunyai idea kreatif dan inovatif dalam memastikan kelancaran perlaksanaan di BUKA@Muallim ini;
- (iii) Pengurus/operator akan menyelaras jadual pelaksanaan program;

## 2.3. **Penyelenggaraan**

### i. **Penyelenggaraan dan Utiliti**

Kos penyelenggaraan, utiliti dan keselamatan adalah tanggungjawab sepenuhnya oleh pengurus/operator.

### ii. **Wang Terimaan Daripada Sewaan**

- a. Sewaan Petak Gerai
- b. Sewaan Event Space
- c. Lain-lain Keuntungan

### **3. SYARAT- SYARAT DAN KEPERLUAN SEBAGAI PENGURUS / OPERATOR BUKA@MUALLIM**

#### **3.1. Syarat Kelayakkan**

- i. Syarikat / Individu yang ingin memohon perlu berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);**
- ii. Mesti Warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas dan mempunyai kelayakan akademik yang bersesuaian;**
- iii. Boleh berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris (bertutur dan bertulis);**
- iv. Mempunyai pengalaman dalam bidang pengurusan perniagaan;**
- v. Mempunyai kedudukan kewangan yang stabil dan mencukupi.**

#### **3.2. Kemahiran / Kebolehan Sebagai Pengurus / Operator**

- i. Mempunyai pengalaman yang luas dalam pembinaan dan penggalakan Komuniti Perniagaan (Business Community);**
- ii. Proaktif dalam melaksanakan program untuk mempromosikan ruang perniagaan di samping membantu meningkat pendapatan peniaga di BUKA@Muallim;**
- iii. Memastikan sasaran yang ditetapkan oleh pihak Majlis di penuhi dan dipatuhi;**

### **4. Syarat-Syarat Khusus Kepada Semua Syarikat Yang Menyertai RFP**

- i. MDTM tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan dokumen cadangan akibat kecuaiian dalam penyerahan dokumen berkenaan.**
- ii. Dokumen cadangan yang lewat tidak akan dipertimbangkan. MDTM tidak akan bertanggungjawab ke atas dokumen cadangan yang dihantar melalui kiriman pos sekiranya berlaku sebarang kelewatan, kehilangan atau lain-lain lagi.**
- iii. MDTM berhak pada bila-bila masa sebelum tarikh tutup penghantaran cadangan, meminda dokumen RFP dengan menyediakan dokumen tambahan (addendum) kerana sebab-sebab tertentu atas inisiatif Kerajaan. Sebarang maklumat pindaan akan dimaklumkan melalui e-mel Pembida yang didaftarkan ketika taklimat.**
- iv. Sekiranya diperlukan, MDTM berhak memilih satu cadangan RFP atau kombinasi RFP untuk dijadikan satu spesifikasi baru MDTM tanpa melibatkan sebarang bayaran atau pampasan kepada syarikat;**
- v. MDTM tidak terikat untuk melantik mana-mana syarikat berdasarkan cadangan RFP yang dikemukakan;**
- vi. Syarikat bertanggungjawab (accountable) terhadap apa-apa representasi;**
- vii. Syarikat boleh diminta memberi taklimat/persembahan dan kos yang terlibat hendaklah ditanggung oleh syarikat;**

- viii. Syarikat boleh dibenarkan untuk mengemukakan cadangan dalam bentuk dokumen, video, model, prototype dan lain-lain;
- ix. Syarikat perlu mengemukakan cadangan RFP dalam bentuk hard copy dan soft copy mengikut keperluan MDTM;
- x. Sebarang kos yang terlibat dalam penyediaan cadangan RFP hendaklah ditanggung oleh syarikat;
- xi. MDTM berhak menggunakan cadangan daripada syarikat sama ada syarikat tersebut berjaya atau tidak; dan
- xii. Dokumen RFP yang dikemukakan adalah SULIT.

#### 5. Permohonan

Bagi yang berminat menjadi Pengurus /Operator di BUKA@Muallim ini, permohonan perlu dikemukakan bersama dokumen seperti di Lampiran 1 pada atau sebelum 16 MAC 2024 jam 12.00 Tengahari di alamat berikut :-

**JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN  
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM (MDTM)  
PETI SURAT 59  
BLOK B, KOMPLEKS PENTADBIRAN MDTM  
BANDAR BEHRANG 2020  
35900 TANJONG MALIM, PERAK**

**NO. TEL : 05-4563410/20**

**EMAIL : [jpp@mdtm.gov.my](mailto:jpp@mdtm.gov.my)**

***atau untuk sebarang pertanyaan berhubung terus dengan pegawai dilantik di talian : 019-2554355 (En. Saiful Nizam Bin Yamegun)***

## **LAMPIRAN 1**


Dokumen yang diperlukan :

1. Tiga (3) Salinan Kad Pengenalan Pemohon
2. Tiga (3) Salinan pendaftaran syarikat oleh Suruhanjaya Pendaftar Syarikat Malaysia (SSM)
3. Tiga (3) Profil Syarikat atau Curricular Vitee (CV) –Pengalaman dalam melaksanakan perniagaan
4. Tiga (3) Bukti kedudukan kewangan – 3 bulan penyata bank terkini dan disahkan oleh bank
5. Tiga (3) Pelan Pengurusan Perniagaan – Cadangan oleh pemohon dan perlu merangkumi perkara berikut:-
  - i. Pelan Cadangan Perniagaan / Business Model;*
  - ii. Anggaran sewaan kepada peniaga;*
  - iii. Cadangan Pulangan kepada pihak MDTM;*
  - iv. Tempoh pelaksanaan;*
  - v. Lain-lain yang berkaitan.*

**PELAN LANTAI BUKA@MUALLIM**

**PETAK GERAI** .....

**RUANG ACARA /EVENT / .....**  
**PENTAS**



FLOOR PLAN  
SCALE 1:125